## UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA, JABATAN PERDANA MENTERI

## KENYATAAN *REQUEST FOR PROPOSAL*

Pelawaan *Request For Proposal* (RFP) ini adalah terbuka kepada syarikat dengan kriteria / maklumat berkaitan seperti berikut:

**_REQUEST FOR PROPOSAL_ PEMBANGUNAN SATELIT PENDERIAAN JAUH NEGARA SECARA PUBLIC PRIVATE PARTNERSHIP**

**NOMBOR RUJUKAN RFP : UKAS(S).700-7/1/22/5 Jld.2 (19)**

<table>
<tr><th>KELAYAKAN MENYERTAI TAWARAN</th><th>BUTIRAN TAKLIMAT RFP DAN LAWATAN TAPAK (MANDATORI)</th><th>BUTIRAN JUALAN DOKUMEN RFP</th><th>HARGA DOKUMEN RFP</th><th>BUTIRAN PENYERAHAN CADANGAN BIDAAN</th></tr>
<tr>
<td>
1) Syarikat yang berdaftar di Malaysia. Bagi usahasama (joint venture – JV)/ konsortium, sekurang-kurangnya satu daripada entiti berdaftar di Malaysia.<br><br>
2) Keupayaan kewangan:<br><br>
i) Net worth minimum bernilai RM46,000,000.00 untuk entiti tunggal atau jumlah net worth minimum bernilai RM50,000,000.00 untuk JV/ konsortium.<br><br>
dan<br><br>
ii) Deposit bid security berjumlah RM1,000,000.00.
</td>
<td>
<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Sesi & Lokasi</th><th>Tarikh Dan Masa</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Sesi 1:<br>Taklimat dan Lawatan Tapak<br><br>Lokasi:<br>Auditorium<br>Kompleks Teknologi Angkasa<br>Agensi Angkasa Malaysia<br>Lot 2233, Jalan Turi<br>Kampung Sungai Lang<br>42700 Banting<br>Selangor, Malaysia</td><td>29 Januari 2024<br>(Isnin)<br><br>Pendaftaran:<br>10.00 pagi</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Sesi 2:<br>Lawatan Tapak<br><br>Lokasi:<br>Stesen Penerima Data Satelit,<br><br>Kompleks Operasi Angkasa<br>Agensi Angkasa Malaysia<br>Jalan Lencongan<br>Mentakab –Temerloh<br>28400 Mentakab<br>Pahang, Malaysia</td><td>30 Januari 2024<br>(Selasa)<br><br>Pendaftaran:<br>10.00 pagi</td></tr>
</table>
</td>
<td>
Tarikh pembelian dokumen RFP secara fizikal:<br><br>
31 Januari hingga<br>14 Februari 2024<br>9.00 pagi hingga<br>4.00 petang<br><br>
(tidak termasuk Sabtu, Ahad dan cuti umum)<br><br>
Tempat:<br><br>
Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri<br>Aras 2,<br>Menara Usahawan<br>Persiaran Perdana<br>Presint 2<br>62652 PUTRAJAYA
</td>
<td>
RM10,000.00*<br><br>
(Sepuluh Ribu Ringgit Sahaja)<br><br>
dalam bentuk<br><br>
Draf Bank /<br>Banker's Cheque<br><br>
di atas nama<br><br>
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA-JPM-T.<br><br>
* tidak akan dikembalikan
</td>
<td>
Tarikh serahan adalah pada:<br><br>
31 Julai 2024<br>(Rabu)<br><br>
9.00 pagi hingga<br>12.00 tengah hari<br>(MYT)<br><br>
Tempat penyerahan:<br><br>
Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri<br><br>
Aras 10, Menara Usahawan<br>Persiaran Perdana<br>Presint 2<br>62652 PUTRAJAYA<br><br>
(u.p.: Urus Setia RFP PSPJN – Seksyen Sosial)
</td>
</tr>
</table>

**UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA, JABATAN PERDANA MENTERI**

**KENYATAAN *REQUEST FOR PROPOSAL***

| KELAYAKAN MENYERTAI TAWARAN | BUTIRAN TAKLIMAT RFP DAN LAWATAN TAPAK (MANDATORI) | BUTIRAN JUALAN DOKUMEN RFP | HARGA DOKUMEN RFP | BUTIRAN PENYERAHAN CADANGAN BIDAAN |
|---|---|---|---|---|
| **3) Keupayaan teknikal:**<br><br>i) Minimum 5 tahun pengalaman dan rekod prestasi dalam program satelit penderiaan jauh;<br><br>ii) Memiliki pengalaman dan keupayaan sepenuhnya untuk mereka bentuk, membina, dan mengoperasikan satelit;<br><br>iii) Pernah dianugerahkan sebagai kontraktor utama untuk mana-mana projek satelit; dan<br><br>iv) Mempunyai akses kepada infrastruktur teknologi angkasa termasuk pemasangan satelit, kemudahan integrasi dan ujian, serta stesen bumi untuk pembangunan dan operasi satelit.<br><br>**4) Hadir ke sesi Taklimat RFP dan Lawatan Tapak pada 29 dan 30 Januari 2024.** | Kedua-dua sesi yang dinyatakan di atas adalah **MANDATORI** untuk kesemua pembida yang berhasrat menyertai tawaran RFP ini. Kegagalan menghadiri kedua-dua sesi akan membatalkan penyertaan untuk pelawaan RFP. Wakil pembida yang akan hadir tidak boleh kurang daripada pengarah syarikat/ JV/ konsortium atau individu yang pakar dalam bidang projek dan mendapat kebenaran bertulis dari syarikatnya. Hanya **dua individu** dari setiap syarikat/ JV/ konsortium dibenarkan menghadiri kedua-dua sesi ini. Selaras dengan peraturan keselamatan yang telah ditetapkan oleh Agensi Angkasa Malaysia, setiap wakil pembida yang akan menghadiri kedua-dua sesi di atas perlu mencetak dan melengkapkan borang *eVetting* (link ICT) bersama-sama dengan salinan pengenalan diri (kad pengenalan/ pasport) semasa kedua-dua sesi tersebut.<br><br>**Dokumen wajib perlu dibawa semasa Taklimat RFP dan Lawatan Tapak:**<br><br>i. Borang *eVetting* yang telah dicetak dan dilengkapkan;<br>ii. Salinan kad pengenalan/ pasport wakil;<br>iii. Kebenaran bertulis dari syarikat sekiranya wakil bukan pengarah syarikat/ JV/ konsortium; dan<br>iv. Cop rasmi syarikat. | **Dokumen wajib perlu dibawa bagi urusan pembelian dokumen RFP:**<br><br>i. Borang Pembelian Dokumen RFP(link ICT);<br>ii. Surat Wakil Syarikat (link ICT);<br>iii. Salinan Slip Kehadiran Taklimat dan Lawatan Tapak Sesi 1;<br>iv. Salinan Slip Kehadiran Lawatan Tapak Sesi 2;<br>v. Cop rasmi syarikat; dan<br>vi. Draf Bank / *Banker's Cheque* pembelian dokumen RFP. | | |

**UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA, JABATAN PERDANA MENTERI**

**KENYATAAN *REQUEST FOR PROPOSAL***

**PENYERAHAN DOKUMEN CADANGAN BIDAAN**

1. Dokumen cadangan bidaan yang telah lengkap perlu diserahkan dalam bentuk salinan keras (*hard copy*) dan salinan lembut (*soft copy*) seperti berikut:

    a. **1 salinan keras** set asal cadangan bidaan yang mengandungi nama Pembida, ditanda dengan jelas sebagai "**ORIGINAL**";

    b. **4 salinan keras** set cadangan bidaan **TANPA** nama Pembida, ditandakan dengan jelas sebagai "**COPY**";

    c. **1 *USB Flash Drive*** yang mengandungi salinan lembut set asal cadangan bidaan yang mengandungi nama Pembida, ditanda dengan jelas sebagai "**ORIGINAL**"; dan

    d. **1 *USB Flash Drive*** yang mengandungi salinan lembut set cadangan bidaan tanpa nama Pembida, ditandakan dengan jelas sebagai "**COPY**".

2. **Kedua-dua *USB Flash Drive*** ini hendaklah diserahkan dalam satu sampul berasingan dan dilabel dengan jelas sebagai “**SOFT COPY**” di bahagian atas kiri sampul.

3. **Penyerahan** dokumen bidaan yang lengkap diisi hendaklah dihantar secara serahan tangan ke Peti RFP di alamat berikut:

**Urusetia RFP PSPJN**
**Seksyen Sosial**
**Unit Kerjasama Awam Swasta**
**Jabatan Perdana Menteri**
**Aras 10, Menara Usahawan**
**Persiaran Perdana, Presint 2**
**62652 PUTRAJAYA**

4. Dokumen bidaan yang dihantar lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan **ditolak dan tidak akan dipertimbangkan**. UKAS, JPM juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui pos atau kurier.